

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3 APRIL 2015

BH- 3/4/2015

'GST jadikan sistem cukai negara telus'

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang mula dilaksanakan kelmarin, akan menjadikan sistem percukaian negara lebih cekap, telus dan mesra perniagaan ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Razak, berkata kajian menyeluruh mengenai cukai baharu itu sudah dijalankan sebelum pelaksanaannya bagi memastikan produk keluaran negara mampu bersaing dalam pasaran antarabangsa.

"Kita memerlukan sistem percukaian yang fleksibel dan akan membantu negara ketika ekonomi dunia naik atau tu-

run dan ketika itu Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk melakukan sesuatu yang positif," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) 2014 di sini, semalam.

Sementara itu, Najib turut melancarkan Skim Mikro Kredit Penjaja dan Peniaga Cina, memabitkan peruntukan

RM30 juta bagi membantu golongan itu memajukan perniagaan dan memudahkan mendapatkan pinjaman kewangan.

Perdana Menteri berkata, di bawah skim itu, setiap pemohon boleh meminjam antara RM5,000 hingga RM15,000, bergantung kepada syarat dan kelulusan yang ditetapkan.